



Laporan Kemajuan Program



Impak Program Sebelum



Gambar: Keadaan sekeliling sistem PV yang tidak dijaga dengan baik.

Gambar: Keadaan sistem pendawaian yang tidak selamat.

Impak Program Sebelum



Gambar: Penyalahgunaan modul PV.



Gambar: Sengaraan PV yang tidak sempurna.

Impak Program Sebelum



Gambar: Penggunaan PV yang tidak selamat.



Gambar: Modul PV yang tidak dijaga dengan baik.

Impak Program Semasa – lawatan ke tapak projek



Gambar: Ahli yang terlibat dalam lawatan

Gambar: Jalan menuju ke tapak projek

Satu lawatan ke tapak projek telah dilakukan pada 12/11/2015. Kami berpecah kepada dua Kumpulan. Satu kumpulan melawat Kg Sg. Peroh dan satu kumpulan lagi ke Kampong Punan. Kumpulan ke Sg. Peroh terdiri dari 2 orang pensyarah dan 2 orang pelajar. Manakala ke Kg Punan terdiri dari 2 orang pensyarah, 1 orang ARO dan 4 orang pelajar.

Impak Program

Semasa – lawatan ke tapak projek



Gambar: Perjalanan ke Kg Sg. Peroh.



Gambar: Tanda sempadan Kg Sg. Peroh.

Perjalanan ke Kg Sg. Peroh mengambil masa lebih kurang 45 minit dari pekan Kahang dengan menaiki pacuan empat roda.

Impak Program Semasa – Kampong Sungai Peroh



Gambar: Wakil penduduk Kg Sg. Peroh



Gambar: Sebuah rumah dengan modul PV

Di Kg Sg. Peroh kami bertemu dengan wakil penduduk dan berbincang tentang matlamat serta tujuan kunjungan kami. Kami cuba bertemu dengan Tok batin serta Guru Besar Sekolah Kebangsaan Ladang Mutiara (Sekolah untuk anak penduduk Kg. Sg Peroh) tetapi gagal kerana kebetulan sekolah masih bercuti Depavali.

Impak Program Semasa – Kampong Sungai Peroh



Gambar: Keadaan PV hibrid yang membekalkan tenaga elektrik kepada penduduk kampung

Kami dimaklumkan bahawa bekalan elektrik dikampung tersebut tidak lagi dibekalkan oleh sistem PV hibrid kerana sistem tersebut telah rosak teruk. Satu genset mudahalih telah digunakan untuk menggantikan sistem PV hibrid yang telah rosak.

Impak Program Semasa – Kampong Sungai Peroh



Gambar: Keadaan PV modul yang telah dibekalkan kepada penduduk kampung sebelum sistem PV hibrid dipasang di kampung Sg. peroh.

Terdapat beberapa buah rumah yang masih lagi terdapat PV modul yang dibekalkan oleh kerajaan tetapi tidak digunakan lagi. Sekali imbas, PV modul tersebut masih lagi boleh digunakan walaupun telah ditutupi habuk sepenuhnya.

Impak Program Semasa – Kampong Sungai Peroh



Gambar: Keadaan PV modul yang telah dibekalkan kepada penduduk sebelum dipasang sistem PV hibrid.

Kami berpendapat sekiranya pengetahuan diberikan kepada penduduk tentang cara atau kaedah yang sesuai dan selamat digunakan untuk menggunakan PV lama tersebut, maka mereka boleh kurangkan kebergantungan kepada sistem PV hibrid yang sedia ada. Ini juga merupakan objektif projek UCTC ini.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Keadaan jalan ke Kampong Punan

Perjalanan ke Kg Punan mengambil masa lebih kurang 2 jam dari pekan Kahang. Hanya kenderaan pacuan empat roda sahaja yang boleh memasuki kampong tersebut.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Rumah penduduk Kg. Punan

Kampong Punan didiami lebih kurang 200 penduduk yang majoriti nya adalah pekebun.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: SK Punan (lama)



Gambar: SK Punan (Baru)

Terdapat sebuah sekolah yang baru dibina menggantikan sekolah lama. Jumlah murid semasa lawatan (12/11/2015) hanya 17 orang sahaja.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Perbincangan dengan Guru Besar SK Punan dan Tok Batin Kg. Punan bertempat di kantin sekolah.

Pertemuan dengan Guru Besar SK Punan serta Tok Batin telah diadakan. Perbincangan ini tentang kaedah yang sesuai untuk melaksanakan program yang telah kami rancang. Menurut mereka kebiasaan nya Kg Punan akan putus hubungan dengan kampong lain setelah tiba nya musim banjir yang dijangka berlarutan sehingga bulan Febuari.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Sistem PV hibrid yang dibina untuk kegunaan SK Punan sahaja.

Terdapat sistem PV hibrid telah dipasang khusus untuk sekolah tersebut. Sistem ini hanya membekalkan bekalan elektrik untuk kegunaan sekolah sahaja.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Keadaan SK Punan (lama).

Sekolah SK Punan (lama) tidak digunakan lagi. Terdapat sistem PV dipasang untuk membekalkan tenaga elektrik untuk kegunaan sekolah tersebut. Ada sebahagian sistem masih lagi boleh berfungsi.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Keadaan PV modul di SK Punan (lama) yang tidak diselenggara dengan baik.

Secara fizikalnya PV modul di sekolah SK Punan (lama) masih dalam keadaan baik. Ada diantara inverter dan bateri nya juga masih boleh berfungsi.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Keadaan PV modul yang berada di persekitaran SK Punan (lama).

Keadaan PV modul yang lama terbiar mungkin masih lagi boleh berfungsi sekiranya dicuci dan disenggara dengan baik. Ujian akan dilakukan keatas modul tersebut dengan peralatan Khas yang akan dibawa nanti.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Keadaan PV yang masih terdapat di rumah penduduk kg. Punan.

PV modul yang masih terdapat dirumah penduduk kampong ini tidak digunakan lagi walaupun secara fizikal nya masih dalam keadaan baik.

Impak Program Semasa – Kampong Punan



Gambar: Stesen solar PV hibrid yang dikendalikan oleh TNB untuk kegunaan orang kampung.

Stesen ini berfungsi dan membekalkan bekalan elektrik pada penduduk kampung Punan.

Impak Program Selepas

Atas saranan GB SK Punan dan Tok Batin, maka kami akan laksanakan program penerangan kepada komuniti dan pelajar sekolah melalui ceramah dan demonstrasi pada bulan Febuari 2016. Ini memandangkan musim tengkujuh telah tiba dan jalan ke kampung tersebut kebiasaannya di tenggalami air.

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
1.	Program pengenalan sistem PV hybrid untuk komuniti	Program akan dilaksanakan dalam bentuk ceramah, slaid dan demonstrasi.	<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pemahaman berkenaan fungsi dan operasi sistem solar hybrid dalam membekalkan elektrik kepada komuniti (20 - 40 rumah dalam setiap kampung) 	Penerangan tentang sistem hybrid kepada Guru Besar serta beberapa penduduk kampung yang sempat ditemui telah diberikan. Walaubagaimana pun penerangan kepada komuniti akan di buat pada bulan Februari tahun depan berdasarkan hasil lawatan tempuh hari.	20,000	5,000	15,000

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
			<ul style="list-style-type: none"> Keberkesanan semasa yang dikira dengan menggunakan indeks '<i>Loss of Power Supply Probability</i>' yang menunjukkan indeks keboleh harapan bekalan elektrik melalui sistem solar hybrid 	Bekalan elektrik yang diterima dikampung Sungai Peroh bergantung kepada diesel genset kerana ketika lawatan dibuat ada masaalah dengan sistem PV hybrid tersebut. Di kampung Punan, sistem PV hybrid disekolah berjalan lancar begitu juga sistem PV hybrid untuk komuniti.			

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
			<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan pengetahuan dan pemahaman di kalangan komuniti tentang bagaimana sistem solar hibrid dapat membantu: Mengurangkan kos sara hidup melalui penggunaan elektrik secara berhemah 	Penerangan tentang penggunaan PV hibrid secara berhemat dapat membantu penduduk kampung secara jangka panjang telah dibuat. Setakat ini penerangan setakat beberapa orang penduduk kampung sahaja.			

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
			<ul style="list-style-type: none"> Meningkatkan produktiviti komuniti melalui impak sistem solar hibrid kepada pembelajaran dan perniagaan 	<p>Penerangan tentang perlunya menggunakan tenaga elektrik secara berhemat kepada beberapa orang penduduk kampung telah dibuat. Walaubagaimapun pelajar sekolah belum sempat diberi penerangan.</p>			

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
2.	Program kajian penggunaan beban di rumah-rumah dan premis-premis lain di kawasan komuniti	Pengukuran penggunaan tenaga elektrik harian akan dilakukan pada sampel rumah yang berkaitan.	<ul style="list-style-type: none"> •meningkatkan apresiasi di kalangan komuniti (20 - 40 rumah dalam setiap kampung) berkenaan dengan kadar penggunaan dan kos tenaga elektrik yang dibekalkan oleh pihak kerajaan 	Penerangan serba ringkas tentang penggunaan beban yang sesuai kepada beberapa orang penduduk telah dibuat..	20,000	5,000	15,000

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
			<ul style="list-style-type: none">membantu komuniti untuk menggunakan beban elektrik secara berhemah bagi memastikan sistem solar hibrid dapat membekalkan elektrik secara optima	Penerangan serba ringkas kepada beberapa penduduk yang ditemui tentang cara pengurangan penggunaan elektrik telah dibuat.			

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
			<ul style="list-style-type: none">membantu pihak berusaha elektrik negeri (iaitu Tenaga Nasional Berhad) untuk merancang aktiviti operasi dan senggaraan sistem solar hibrid dengan adanya profil penggunaan beban yang terkini.	Penerangan kepada beberapa penduduk yang ditemui tentang penggunaan beban pada waktu yang sesuai telah dibuat.			

Status Program

Bil	Nama	Keterangan program	Jangkaan Impak	Status Pelaksanaan	Dana		
					Peruntukan	Belanja	Baki
3	Program latihan kecemasan kepada komuniti	Program ini akan dilaksanakan dalam bentuk ceramah dan demonstrasi. Ia meliputi aspek keselamatan serta kaedah pencegahan.	<ul style="list-style-type: none"> • meningkatkan perlindungan dan keselamatan komuniti dan juga sistem solar hibrid • meningkatkan peranan komuniti dan 'sense of ownership' dalam memastikan kelangsungan operasi sistem solar hybrid. 	Penerangan serba ringkas tentang faktor keselamatan kepada beberapa penduduk yang ditemui telah di buat.	20,000	5,000	15,000

Tamat